

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 19.5.2015

SOALAN :

Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pihak yang bertanggungjawab berkaitan pembayaran bil utiliti Sekolah Agama Bantuan Kerajaan di Negeri Terengganu yang dipotong bekalan oleh Tenaga Nasional Berhad dan Syarikat Air Terengganu (SATU) akibat kegagalan menjelaskan bayaran.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memberi bantuan dan sumbangan bagi meningkatkan kualiti pendidikan sekolah agama dengan menggalakkan Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Dengan berdaftar sebagai SABK, semua sekolah ini layak menerima bantuan sebagaimana sekolah bantuan penuh kerajaan.

Antara peruntukan yang disalurkan ialah peruntukan Pembayaran Utiliti dan Bantuan Geran Per Kapita (PCG) yang meliputi lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahun (LPBT) yang boleh juga digunakan bagi tujuan pembayaran bil utiliti seperti telefon, air, elektrik, telegram, setem, internet dan pembedugan serta maksud perbelanjaan yang telah ditetapkan oleh KPM.

Mulai tahun 2015, KPM telah meluluskan peruntukan pembayaran utiliti di semua sekolah SABK dinaikkan kepada RM5,000 sebulan daripada kadar asal sebanyak RM2,000 sebulan. Langkah tersebut bertujuan membantu pihak sekolah dalam menjelaskan bil-bil utiliti, agar tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Namun, KPM menasihatkan pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) agar dapat memberi kerjasama yang berterusan dan memainkan peranan masing-masing untuk memajukan kualiti pendidikan sekolah yang dikelolakan serta memantau perbelanjaan dengan melaksanakan langkah-langkah penjimatan yang perlu agar tidak berlaku pembaziran.